



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JMS211 – Sejarah Politik Malaysia Tradisional

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Dalam konteks hubungan yang rapat antara Melaka dan Dinasti Ming pada kurun ke-15, *Sejarah Melayu* merekodkan perkahwinan antara Sultan Mansur Syah dengan puteri Hang Li Po. Bahaskan sama ada catatan mengenai Puteri Hang Li Po dalam *Sejarah Melayu* merupakan satu fakta atau legenda.
(25 markah)

2. Perjanjian Pangkor 1874 menandakan permulaan dasar campur tangan British di Tanah Melayu. Bincangkan faktor-faktor yang membawa kepada termeterainya perjanjian tersebut.
(25 markah)

3. Mengapakah Persetiaan Burney 1826 ditandatangani di antara pihak British dan pihak Siam? Jelaskan kesan-kesan Persetiaan Burney ke atas Perak dan Kedah.
(25 markah)

4. Bahaskan sama ada faktor keadaan di Perak atau faktor peribadi Residen Perak, J.W.W Birch yang membawa kepada kegagalan sistem residen di Perak.
(25 markah)

5. Huraikan hubungan Kedah-Siam sejak bermulanya hubungan uftian pada abad ke-18 sehingga tamatnya penjajahan Siam ke atas Kedah pada 1842.
(25 markah)

6. Mengapakah sistem residen gagal diperluaskan ke Johor sehingga 1914?
(25 markah)